

Hip

bhip@bh.com.my

Siti Nurhaliza hamil?

Penyanyi tersohor, Datuk Seri Siti Nurhaliza, 41, meminta peminat mendoakan semoga impiannya menimang cahaya mata kedua menjadi kenyataan.

Mengulas spekulasi mendakwa sudah berbadan dua, Siti, berkata dia tidak akan menyembunyikan berita gembira apabila tiba masanya nanti.

“Doakan semoga hasrat saya untuk kembali hamil menjadi kenyataan. Insya-Allah, apabila betul-betul berlaku, saya akan berkongsi berita gembira dengan peminat,” katanya secara eksklusif kepada *HIP*.

Mengulas kelibatnya yang jarang kelihatan dalam pelbagai acara berbanding sebelum ini, penyanyi yang sedang meledak menerusi lagu *Aku Bidadari Syurgamu* itu menegaskan jadual

hariannya masih sama.

“Ada ketika, saya buat kerja dari rumah sambil melayan Siti Aafiyah. Jika ada tugas yang memerlukan saya berada di pejabat atau lokasi lain, saya tetap keluar.

“Saya ada dan tak hilang ke mana pun,” ujarnya.

Spekulasi mengenai kehamilan penyandang trofi Anugerah Seri Perak, Anugerah Bintang Popular BH (ABPBH) 2012 itu mula diperkatakan berdasarkan reaksi spontan anaknya yang menyebut ayat ‘Aafiyah nak baby ni’ menerusi sesi siaran langsung di Instagram (IG) penyanyi bersuara lunak merdu itu, baru-baru ini.

Tindakan Siti Aafiyah mencium perut Siti berulang kali juga seakan memberi bayangan yang

ibunya kini berbadan dua.

Pada Julai lalu, *HIP* pernah melaporkan yang isteri kepada Datuk Seri Khalid Mohamad Jiwa itu tidak berhasrat menanggung keinginan memiliki cahaya mata kedua biarpun kerjaya seninya kembali rancak dengan kemunculan album terbaru berjudul *Manifesta-SITI2020*.

Pada Februari lalu, Siti menjalani pembedahan kecil di sebuah pusat perubatan swasta sebagai perediaan untuk mengandung. Prosedur itu perlu dilakukan bagi menggunakan kaedah rawatan persenyawaan *in-vitro* (IVF) seperti yang dilakukannya ketika mengandung Siti Aafiyah, tiga tahun lalu.



Royalti RM57 juta diagih

MACP tunai janji salur pendapatan komposer, penulis lirik untuk 2019

Oleh Fatin Farhana Ariffin
fatin.farhana@bh.com.my

Melalui detik sukar apabila sumber pendapatan penggiat seni kreatif terjejas akibat penularan COVID-19 sejak awal tahun ini, karyawan terutama komposer dan penulis lirik yang berdaftar dengan Badan Perlindungan Hak Cipta Muzik Berhad (MACP) kini mampu menarik nafas lega.

Sejak Selasa lalu, badan itu mengagihkan bayaran royalti kepada komposer dan penulis lirik bernilai RM57 juta, lebih awal daripada tempoh dijanjikan biarpun pandemik menjejaskan operasi dan pentadbiran syarikat terbabit.

Bersyukur proses pengagihan lancar, Pemangku Pengurus MACP, Justin Johari, berkata seramai 4,402 ahli yang berdaftar sehingga 31 Disember 2019 sudah diberi bayaran royalti seperti diperuntukkan.

“Sebelum ini, kami memaklumkan kepada ahli melalui e-mel dan Facebook (FB) bahawa agihan akan dilaksanakan pada awal Oktober.

“Bagaimanapun, proses itu dapat diselesaikan lebih awal. Kami berjaya melaksanakannya, Selasa lalu.

“Namun, ramai kurang faham dan menyangka proses pengiraan tidak mengambil masa lama. Sebenarnya, tiga hingga empat bulan.

“Memang setiap tahun kami mengagihkan royalti pada Julai, namun, berikutan COVID-19, proses pengiraan bermula lewat.



“Jika ditolak tempoh PKP, kami hanya dapat memulakan proses pengiraan, Mei lalu dan bersyukur tugas ini dapat diselesaikan cepat daripada jangkaan.”


Justin Johari,
Pemangku Pengurus MACP

“Jika ditolak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kami hanya dapat memulakan proses pengiraan, Mei lalu dan bersyukur tugas ini dapat diselesaikan cepat daripada jangkaan,” katanya kepada *HIP*.

Justin berkata, pendapatan MACP meningkat pada 2019 sebanyak RM57 juta, berbanding RM54 juta pada tahun sebelumnya.

Tambahnya, antara elemen ketara adalah peningkatan kutipan daripada sektor digital iaitu daripada RM12.3 juta pada 2018 kepada RM22.9 juta, tahun lalu.

Namun, Justin berkata, bagi kategori pelesenan umum antaranya membabitkan hotel, kedai atau ‘retail’, restoran, pusat kara-



MACP

- Pertubuhan muzik bukan berasaskan keuntungan ditubuhkan pada 1989.
- Mempunyai 4,402 ahli berdaftar.
- Diterajui penulis lirik terkenal, Habsah Hassan sebagai Pengerusi MACP sejak 2000. Namun, Habsah mengemukakan peletakan jawatan pada 1 Oktober 2018.

oke dan konsert, menurun daripada RM32.9 juta kepada RM25.5 juta.

“Selaras dengan itu, MACP berjaya mengekalkan nisbah kos pendapatan sebelum cukai pada 4.6 peratus,” katanya.

Justin berkata, jika diikutkan, MACP menyasarkan anggaran kutipan royalti sebanyak RM60 juta bagi 2019.

Sehubungan itu, Justin berharap, ahli MACP boleh membayangkan penurunan kutipan bagi tahun ini ekoran pandemik COVID-19.

“Sehingga Oktober ini, kita boleh lihat pusat hiburan seperti kelab malam dan sebagainya, masih ditutup.

“Apatah lagi persatuan mewakili pengguna memohon diskaun dan pengecualian pembayaran ekoran pandemik ini.

“Apa yang diharapkan, dengan baki tiga bulan lagi, kami boleh mendapatkan kutipan yang baik untuk 2020,” katanya.

Terdahulu, berita pengagihan royalti diumumkan Pengerusi MACP, Datuk M Nasir pada mesyuarat agung tahunan (AGM), Isnin lalu.

Pada mesyuarat itu, MACP berkongsi pelbagai faedah bersama ahlinya.

M Nasir berkata, biarpun bu-

kan badan kebajikan, MACP dapat meneruskan beberapa aktiviti dan faedah untuk ahli.

“Antaranya sumbangan kepada waris ahli yang meninggal dunia dan bayaran balik perbelanjaan hospital sehingga RM10,000 sepanjang tempoh keahlian.

“MACP juga menyalurkan sumbangan RM500 bagi perbelanjaan hospital untuk seorang ahli keluarga terdekat, geran pendidikan dalam muzik atau bidang yang berkaitan serta penyertaan dalam aktiviti anjuran MACP seperti bengkel, Malam MACP dan sukan secara percuma atau pada kos yang minimum,” katanya.

Selain itu, untuk ahli yang berusia 55 tahun ke atas, elaun RM500 diberi kepada individu yang memenuhi kriteria 50 karya berdaftar dengan MACP dan menjadi ahli untuk sekurang-kurangnya 10 tahun.

MACP turut memberikan sumbangan RM500 kepada ahli berikutan cabaran yang dihadapi disebabkan penularan COVID-19.

“Namun, semua faedah ini tidak bersifat kekal. Ia akan dikaji semula oleh lembaga pengarah dari masa ke semasa berdasarkan kemampuan MACP berikutan jumlah ahli semakin meningkat.

“Sebagai contoh, sumbangan

kepada waris adalah bergantung kepada sumbangan ahli kepada industri muzik dan tidak semua keluarga ahli akan menerima jumlah yang sama,” katanya.

Ogos lalu, MACP menafikan dakwaan kelewatan agihan bayaran royalti kepada komposer dan penulis lirik tahun ini berpunca daripada isu kecuaihan dan pengurusan organisasi yang dikatakan tidak cekap.

Justin dilaporkan berkata, sama seperti syarikat lain, MACP sebagai badan yang menjalankan tugas pengumpulan royalti secara kolektif atau *Collective Management Organization* (CMO), tidak terkecuali menerima impak penularan wabak COVID-19.

Operasi MACP dilaporkan tergendala selepas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac lalu.

Kali pertama berdepan situasi mencabar, MACP mengakui tidak mempunyai mekanisme, perancangan dan sistem yang sesuai untuk menghadapi situasi seperti pandemik COVID-19.

Baru-baru ini, penulis lirik terkenal, Ad Samad dilaporkan mendakwa kecuaihan dan pengurusan tidak cekap menjadi punca agihan royalti daripada MACP kepada komposer dan penulis lirik untuk tahun ini, tertanggung.

Ad atau nama sebenar, Ahmad Shahadrian A Samad, berkata badan pemungut royalti itu memberi alasan kelewatan agihan royalti berpunca daripada penularan wabak COVID-19.

Ad dilaporkan berkata, MACP ada mengagihkan bayaran pendahuluan RM500 kepada ahli sebagai bantuan atas pandemik COVID-19. Namun, jumlah itu tidak mencukupi bagi menampung perbelanjaan ahli yang menerima bayaran royalti atas hasil kerja seni setiap tahun.